

# UMS punya kekuatan lahir graduan berketrampilan



DARI KAMPUS & SEKOLAH

Oleh SITI AISYAH NARUDIN  
bustymessy@gmail.com

**N**AIB Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Brig. Jen. Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Kamaruzaman Haji Ampon percaya UMS mempunyai kekuatan dalam merealisasikan misi melahirkan graduan yang berketrampilan.

Namun, katanya, ia bukan satu tugas yang mudah memandangkan mereka bertanggungjawab ke atas hampir 20,000 mahasiswa yang harus digarap dan digembung untuk menjadi insan yang cemerlang, gemilang dan terbilang melalui gagasan 1Malaysia.

Menurutnya, selaras dengan gagasan 1Malaysia yang dilaungkan oleh Perdana Menteri, UMS turut menekankan gagasan yang sama iaitu IUMS, Pelajar Didahulukan dan Pencapaian Diutamakan.

“Saya berharap para mahasiswa menggunakan sepenuhnya peluang dan masa yang ada di UMS untuk menimba ilmu dengan



IGNASUS RIAS

sebaiknya agar harapan yang disandarkan kepada kita tidak disia-sia,” katanya ketika menyampaikan amanatnya pada majlis Pengenalan Universiti dan Pegawai-Pegawai Utama Sempena Minggu Suai Mesra (MSM) 2010/2011 kelmarin.

Beliau turut mengingatkan agar mahasiswa baru perlu menyahut cabaran bersatu padu dalam satu tujuan, satu harapan dan satu cita-cita tanpa melihat perbezaan pandangan agama, bangsa dan persepsi politik.

Tambahnya, kecemerlangan yang dikehendaki pelajar merupakan cenderahati kepada ibu bapa dan sesiapa saja yang menjadi pendorong dalam mencapai kecemerlangan dalam menuntut ilmu.

Sementara itu, Amirulnizam Jamaludin,



AMIRULNIZAM

pelajar tahun akhir Program Teknologi Seni Visual, Sekolah Pengajian Seni berpendapat sepanjang MSM dijalankan para pelajar baru memberikan kerjasama dan menunjukkan disiplin yang baik.

“Dalam mengenali UMS dengan lebih dekat, pelaksanaan MSM adalah satu langkah terbaik yang mana ia banyak memberikan kebaikan kepada pelajar baru dan mereka lebih terdedah dengan suasana kampus,” katanya yang bertugas di bahagian sambutan pelajar sempena MSM.

Bagi Ignasus Rias Simon Eko, 23, yang bertugas di Bahagian Perhubungan Korporat (BPK) UMS, program MSM memberi ruang kepada para mahasiswa baru untuk lebih mengenali kakitangan



NORHAFIZA

terutamanya para pegawai utama UMS.

Selain itu katanya, secara tidak langsung ia juga dapat mengeratkan hubungan silaturahim antara pelajar dan kakitangan UMS melalui aktiviti yang dijalankan sepanjang MSM ini.

“Peluang yang ada semasa MSM ini perlu diaplikasi sebaiknya oleh para pelajar baru memandangkan selepas ini mereka perlu berdikari dalam menjalani kehidupan sebagai mahasiswa UMS,” katanya.

Walaupun baru berada di bumi Sabah selama empat hari, namun Norhafiza Ahmad Mustafa, 19, pelajar Program Perkhidmatan Makanan, Sekolah Sains Makanan dan Pemakanan berpendapat negeri ini sebagai sebuah negeri yang indah.

“UMS mempunyai lokasi yang strategik dengan pemandangan laut yang menarik dan begitu berbangga kerana memilih UMS sebagai tempat melanjutkan pengajian,” katanya yang berasal daripada Perak ini.

Menurutnya, aktiviti sepanjang MSM banyak membantu dirinya untuk memahami cara pengurusan UMS selain lebih terdedah untuk membuat pilihan terbaik terutamanya pengambilan subjek untuk kurikulum.

Sementara itu, Mohammad Nasrun Abdullah, 21, menjelaskan UMS sememangnya menjadi



NASRUN

universiti pilihannya dan walaupun berada di kampus ini tidak sampai seminggu, banyak pengalaman baru mulai dirasainya.

“Selain dapat mengenali lebih ramai kawan dari pelbagai negeri di seluruh negara, saya juga dapat mempelajari pelbagai perkara baru dengan suasana kehidupan kampus,”

katanya yang mengambil Program Teknologi Seni Visual, Sekolah Pengajian Seni ini.

Menurutnya, sepanjang mengikuti MSM ini, beliau dapat mengikuti kesemua jadual MSM dengan sebaiknya tanpa ada sebarang masalah memandangkan jadual yang diberikan tidak berapa membebangkan.

Nasrun yang berasal daripada Tawau ini turut menjelaskan, keluarganya memberi sokongan penuh dengan pilihannya untuk melanjutkan pelajaran di UMS dan mengharapkan beliau dapat mengikuti pengajiannya di sini hingga mencapai kejayaan.

Bagi Sorman Mansor yang bertugas sebagai petugas khas sempena MSM, antara cabaran sepanjang program berkenaan dijalankan adalah semasa sesi pendaftaran dijalankan.

Ini kerana katanya, mereka terpaksa berhadapan dengan karenah beberapa ibu bapa yang tidak berpuas hati dengan sistem pengurusan pendaftaran.

Namun semua itu dianggap sebagai cabaran



Antara AJK MSM yang bertugas.



PETUGASKHAS..Sorman (kanan) dengan memakai seragam Kor-Sukarelawan Siswa/Siswi Polis (Suksis) menjalankan tugas menjaga keselamatan sepanjang MSM.

dan melalui budi bicara yang terbaik setiap masalah yang dihadapi dapat diatasi dengan sebaiknya.

“Walaupun ini pertama kali saya bertugas untuk

MSM, ia memberikan banyak pengalaman baru,” katanya yang mengambil Program Pembangunan Belia dan Komuniti, Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial.



Sebahagian pelajar baru yang mengikuti program MSM.